

the types of offensive content described in **Section 211 and Section 233 of the CMA.**

The case of **PP v Rutinin Bin Suhaimin [2015] 3 CLJ 838** has also established that three ingredients must be proven to be an offence under **Section 233 CMA 1998**;

- (i) *the accused is the one who initiated the communication in question,*
- (ii) *the communication in question is either indecent, obscene, false, menacing, or offensive in character; and*
- (iii) *the accused had the intention to annoy, abuse, threaten or harass any person.*

Hence, any person who posts any offensive materials on the Internet may be prosecuted under **Section 233 of the CMA**, but the case must be proven beyond a reasonable doubt, including proving the post has been disseminated with an intent to annoy, abuse, threaten or harass others. Establishing these ingredients is a challenge for legislators when offensive content on the Internet is criminalized. Whatever the case, on the part of the public, they should remain vigilant in managing social media platforms to avoid their social media engagements being considered a form of abuse for being offensive.



Any person who posts any offensive materials on the Internet may be prosecuted under Section 233 of the CMA.

NOR FADZLINA NAWI



[M nfadz644@uitm.edu.my](mailto:nfadz644@uitm.edu.my)

PROFIL

Fadzlina merupakan seorang Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau dilahirkan di Kuala Lumpur pada 8 Jun 1977 dan mendapat pendidikan awal di sekitar ibu-kota.

Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (2001) dan Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan (2002) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Setelah tamat pengajian, beliau telah memulakan khidmat sebagai seorang guru di Pusat Matrikulasi UIAM. Namun atas dasar ingin meluaskan pengalaman, beliau telah memohon untuk menjadi pensyarah di UiTM dan mula berkhidmat di kampus Merbok, Kedah dari tahun 2002.

Pada tahun 2008, beliau ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Kedoktoran di La Trobe University, Australia dalam bidang Undang-Undang Keluarga.

Seusai tamat pengajian pada tahun 2013, beliau mula berkhidmat di kampus Seremban, Negeri Sembilan sehingga kini. Beliau sangat gemar membaca dan menulis. Malah aktiviti penulisan memberi satu bentuk ketenangan buatnya. Sebelum ini beliau aktif menulis di blog [fadzlina1977@blogspot.com](https://fadzlina1977.blogspot.com) dan <https://lawkingdom.wordpress.com/> sehingga mencecah hampir 700 perkongsian.

Kini, beliau menulis mengikut isu semasa dan ilmiah yang dekat di hati di media sosial dan jurnal akademik. Beliau berharap usaha penulisan akan memberi peluang dan lebih banyak ruang untuk bertukar fikiran dan berkongsi pengalamannya dengan orang lain.

AZLINA MOHD HUSSAIN



[M azlin072@uitm.edu.my](mailto:azlin072@uitm.edu.my)

PROFIL

Azlina merupakan seorang pensyarah undang-undang di UiTM Kampus Seremban.

Sebelum memulakan kerjaya di UiTM, beliau merupakan seorang peguam di Heiley Hassan, Tan & Partners, khusus dalam litigasi sivil dan perbankan dari tahun 1999—2003.

Pada tahun 2003, beliau telah bertugas sebagai Penolong Pendaftar di UiTM hingga tahun 2012.

Beliau juga pernah berkhidmat selama setahun di UiTM Cawangan Melaka sebelum bertukar kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Undang-Undang pada tahun 2013.

Azlina mempunyai kepakaran dalam undang-undang awam seperti Undang-Undang Perlembagaan, Undang-Undang Pentadbiran, Undang-Undang Jenayah, Jurisprudens, Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Sivil, serta berpengalaman dalam bidang Undang-Undang Alam Sekitar dan Undang-Undang Pembinaan.



Paris



HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK DALAM NORMA BAHARU:

Menangani Krisis Pendidikan Di Malaysia Dalam Era Pandemi COVID-19

Oleh: **Azlina Mohd Hussain**

Krisis pandemik COVID-19 telah menyebabkan penutupan sekolah-sekolah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) secara berperingkat yang diisytiharkan di seluruh Malaysia. Keadaan ini bermula sejak 18 Mac 2020 sehingga kini, di mana sekolah-sekolah hanya dibuka sementara semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (“PKPP”) selama lebih kurang 4 bulan iaitu dari 10 Jun 2020 sehingga 14 Oktober 2020.

Terkini sekolah dijangka dibuka sepenuhnya untuk pembelajaran bersemuka pada bulan Oktober 2021. Saranan ini dicadangkan setelah semua populasi di Malaysia divaksinasi sepenuhnya.

Persoalannya sekarang - adakah ini satu lang-

kah yang wajar? Adakah vaksinasi populasi sepenuhnya boleh menjamin keselamatan pelajar? Keseluruhan aspek persekitaran persekolahan perlu diambil kira.

Ada pihak yang berpendapat bahawa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (“PdPR”) patut diteruskan sehingga ke hujung tahun untuk mengelakkan pembelajaran pelajar tergendala. Isu ini masih hangat dibincangkan dan belum lagi diputuskan. Ini adalah kerana negara masih dalam fasa untuk mengimbangi dan menimbal balik situasi kebolehtangkitan COVID-19 dengan kebarangkalian keselamatan pelajar sekiranya pembelajaran bersemuka dibenarkan dan juga keberkesanan vaksinasi sepenuhnya terhadap populasi di Malaysia.

“Memandangkan PdPR telah dilaksanakan secara sepenuhnya selama hampir dua tahun, maka adalah wajar sekiranya silibus dan pengisian teks dikaji semula demi keberkesanan penerapan ilmu yang bersesuaian untuk pelajar”.

Pengenalan

Hak pendidikan termaktub dalam **Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan**;

Perkara 12. Hak Berkeajaan Dengan Pendidikan

(1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara **semata-mata** atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir—

(a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, termasuk murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi;

Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan menyatakan hak kanak-kanak untuk pendidikan secara amnya. Namun dengan penularan wabak dengan penularan wabak COVID-19, kerajaan telah memutuskan demi keselamatan pelajar, sekolah ditutup, pembelajaran bersemuka ditangguhkan dan diteruskan secara PdPR.

Penutupan sekolah telah menyebabkan pembelajaran pelajar tergendala. Namun demikian, kerajaan telah berusaha supaya persekolahan dapat diteruskan sebaik mungkin. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menangani krisis persekolahan di sekolah rendah dan menengah.

Takwim sekolah telah diubah dalam beberapa penggal. Peperiksaan PMR dan UPSR telah dimansuhkan. Hanya peperiksaan SPM dan sekutu dengannya telah dijangkitkan dan diteruskan sehingga 2021. Kerisauan akan keselamatan pelajar yang terdedah kepada jangkitan COVID-19 telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia memutuskan secara langsung penutupan sekolah sehingga September 2021.

Cabaran Yang Dihadapi

Sekiranya cabaran menangani krisis pandemik COVID-19 ini tidak ditangani dengan sewajarnya, kita mungkin akan menghadapi permasalahan yang lebih besar kelak iaitu apa yang diteruskan sebagai *lost generation of children*.

Situasi ini dapat dilihat di mana persekolahan selama dua tahun telah tergendala akibat pandemik ini. Sekiranya berterusan ianya mungkin akan berlarutan selama empat hingga lima tahun berdasarkan kadar kebolehtangkitan dan mutasi virus ini. Walaupun dengan vaksinasi yang berjaya namun virus ini berkemungkinan mengambil masa yang agak lama untuk dibendung dan dikawal. Sementara itu, kanak-kanak berusia tujuh tahun hingga ke usia remaja tujuh belas tahun harus terus menghadapi cabaran persekolahan secara alam maya. Ini tidak termasuk kanak-kanak pra-sekolah dan tadika.

Isu – Isu Yang Perlu Ditangani

1. Persekolahan Secara Atas Talian Atau PdPR – Keberkesanan Dan Cabaran

Antara isu yang paling ketara ialah kesesuaian PdPR kepada pelajar-pelajar sekolah yang terdiri daripada lingkungan umur:-

- a) Sekolah rendah (7 hingga 12 tahun)
- b) Sekolah menengah (13 hingga 17 tahun)

Pendekatan yang berlainan seperti kreatif dan inovatif diperlukan untuk menarik perhatian dan minat pelajar kepada pembelajaran. Memandangkan ini kali pertama PdPR dilaksanakan di sekolah-sekolah, para guru perlu dilatih dari segi kemahiran dan skil PdPR. Ini merupakan lonjakan/ “learning curve” yang sangat drastik untuk para guru mahupun pelajar.

Selain itu perlu dilihat juga kemampuan pelajar dari segi kos, infrastruktur, prasarana pembelajaran dan internet yang diperlukan untuk PdPR. Ramai pelajar, khususnya pelajar luar bandar terjejas dan terkesan dengan PdPR yang di luar kemampuan mereka.

Permasalahan bukan sahaja dari segi keupayaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran tetapi juga faktor luar yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Jika para ibu ba-

pa menghadapi cabaran bekerja dari rumah ("BDR"), dengan menguruskan pembelajaran dan persekolahan anak di rumah, maka para pelajar juga menghadapi situasi yang sama dengan PdPR.

Sebelum pandemik COVID-19, pelajar dapat belajar di sekolah dengan infrastruktur dan prasarana pembelajaran dan bimbingan guru yang lengkap, tetapi dalam tempoh sekatan pandemik COVID-19, pelajar terpaksa menghadapi dan menguruskan persekolahan di rumah di samping ibu bapa yang BDR. Sementara ibu bapa boleh menangani cabaran BDR dengan kematangan usia, namun ia tidak mungkin dapat dilakukan oleh para pelajar. Ditambah lagi dengan tekanan kehidupan di kala pandemik iaitu dalam situasi di mana ibu bapa kehilangan pekerjaan, punca pendapatan dan/ atau menghadapi krisis kewangan dan sebagainya.

Keberkesanan dan cabaran PdPR perlu dilihat dari pelbagai aspek. Antara kajian dan penambahbaikan yang dicadangkan adalah:-

- i. Peranan guru dalam memantau pembelajaran dan keberkesanan penerapan ilmu kepada pelajar. Sokongan daripada para guru adalah sangat penting dalam perkembangan pembelajaran pelajar khususnya bagi pelajar yang terjejas dan tidak dapat mengikuti PdPR. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah supaya para guru memantau perjalanan pembelajaran dengan memantau keadaan pelajar di rumah. Dengan pemantauan di rumah sedikit sebanyak dapat memberikan sokongan moral kepada para pelajar. Ini adalah salah satu kaedah pelaksanaan atau pengukur keberkesanan PdPR/ *home-based learning/ no one left behind* yang sangat digalakkan untuk melihat pencapaian PdPR dalam kalangan pelajar sekolah.
- ii. Sokongan fizikal dari segi pencapaian internet, infrastruktur dan prasarana pembelajaran PdPR
- iii. Sokongan kewangan bagi pelajar yang tidak berkemampuan

2. Pertukaran Takwim Persekolahan

Ini adalah perkembangan dan pindaan sementara yang tidak ketara. Walau bagaimanapun, pertukaran takwim persekolahan perlulah belajar dan diselarikan dengan tarikh-tarikh penting peperiksaan dan kemasukan ke peringkat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ("SPM") dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ("STPM") iaitu Matrikulasi, Diploma dan Sarjana Muda.

Berikutan penutupan sekolah dan sekatan pandemik COVID-19, ramai pelajar dan ibu bapa turut terkesan dengan perubahan takwim persekolahan. Namun demikian situasi kekeliruan ini telah dapat diatasi dengan keputusan untuk PdPR sepenuhnya bagi sekolah. Kekeliruan di awal sekatan pandemik lebih berkait dengan keperluan pembelajaran dan sistem persekolahan yang pelbagai iaitu sekolah teknikal, sekolah berasrama penuh dan sebagainya.

3. Peperiksaan Yang Telah Dimansuhkan

Ini adalah perkembangan yang ketara. Dengan pemansuhan UPSR dan PMR, pencapaian pelajar tidak dapat dinilai sehingga ke tahap SPM. Pengukur pencapaian pelajar adalah pada peringkat SPM. Persoalan yang dibangkitkan sama ada kaedah penilaian ini adalah adil kepada pelajar yang terjejas oleh PdPR. Perlu dikaji kaedah penilaian yang setara untuk menilai pelajar secara adil. Penilaian di peringkat SPM adalah jurang yang terlalu luas untuk mengukur pencapaian pelajar terutamanya bagi mereka yang tidak dapat mengikuti pembelajaran PdPR dengan sempurna.

4. Norma Baharu Persekolahan Secara Bersemuka

Kesiapsiagaan sekolah bagi tujuan pembelajaran secara bersemuka memerlukan persiapan yang sangat rapi dan kos yang amat tinggi. Keadaan persekitaran sekolah mungkin tidak sesuai untuk pembelajaran bersemuka dalam keadaan wabak COVID-19 ini yang masih tidak terkawal. Dengan keadaan yang masih belum pasti akan keberkesanan vaksin untuk menangani penularan wabak COVID-19, kebimbangan ibu bapa adalah keselamatan pelajar dalam menghadapi persekolahan secara



bersemuka.

Ini adalah kerana pemantauan dan pelaksanaan Standard Operating Procedure ("SOP") dalam kalangan pelajar sekolah amat sukar dilaksanakan atas faktor jumlah pelajar yang ramai dan juga kematangan serta pemahaman pelajar sendiri tentang penjagaan SOP. Risiko penularan wabak COVID-19 dengan cepat dan mendadak di sekolah adalah amat tinggi dan mungkin boleh mencapai peringkat yang tidak terkawal. Sekiranya perkara ini berlaku, adakah negara mampu menangani kenaikan mendadak kebolehhajangan COVID-19 ini? Oleh yang demikian, persiapan yang rapi dari segi SOP, infrastruktur, prasarana, persediaan fizikal dan mental guru dan pelajar serta pengurusan risiko perlu diteliti dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

5. Kajian Semula Silibus Dan Pengisian Teks

Memandangkan PdPR telah dilaksanakan secara sepenuhnya selama hampir dua tahun, maka adalah wajar sekiranya silibus dan pengisian teks dikaji semula demi keberkesanan penerapan ilmu yang bersesuaian untuk pelajar. Objektif utama adalah supaya pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang diterima melalui PdPR. Di awal pelaksanaan PdPR, ianya diperkenalkan sebagai alternatif kepada pembelajaran bersemuka dan dianggap sebagai penggantian/ alternatif sementara.

Dan kemudiannya apabila penularan wabak COVID-19 yang tidak berkesudahan sehingga kini, maka PdPR telah disarankan sebagai mod pembelajaran yang utama menggantikan sepenuhnya pembelajaran secara bersemuka. Walaupun menghadapi cabaran yang meruncing

pada awal pelaksanaannya, namun demikian PdPR telah berjaya dilaksanakan. PdPR seperti mod pengajaran dan pembelajaran yang lain perlu melalui beberapa peringkat penambahbaikan dan evolusi yang positif. Adalah masih terlalu awal untuk mengukur keberkesanan dan pencapaian PdPR di sekolah. Namun begitu, perancangan, perangkaan dan langkah-langkah penambahbaikan perlu diambil dengan segera untuk menangani permasalahan pelajar yang tidak dapat mengikuti PdPR dengan sempurna.

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan tergendalanya sistem persekolahan di Malaysia. Namun demikian sekiranya dilihat dari sudut positif, ianya telah berjaya mengubah landskap sistem persekolahan rendah dan menengah di Malaysia. Ia telah berjaya menjadikan pelaksanaan PdPR satu realiti. Sistem persekolahan di Malaysia telah melalui satu pembaharuan dan evolusi yang positif. Diharap PdPR dapat terus dilaksanakan dengan penambahbaikan yang sewajarnya memandangkan dunia sedang bergerak ke arah globalisasi tanpa sempadan. Pengetahuan dan pengalaman dalam sistem pengurusan teknologi, siber dan komputer telah menjadi satu keperluan hidup. Dari perspektif lain, wabak COVID-19 ini juga telah memberi kesedaran, pengalaman dan pengetahuan kepada sektor pendidikan Malaysia dalam pengurusan risiko demi menghadapi cabaran-cabaran terkini. Ianya telah menguji kemampuan sistem persekolahan kita dan diharapkan dengan pengalaman dan pencapaian yang telah diperolehi setakat kini, sektor pendidikan Malaysia terus berkembang dan maju ke hadapan.